UMP tawar kursus bahasa Mandarin

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Alliance Steel (M) Sdn Bhd (ASSB) dan ATOZ Solution Sdn Bhd dalam usaha meningkatkan kemahiran berbahasa Mandarin dalam kalangan kakitangannya.

Naib Canselor, Datuk Seri Prof Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kolaborasi itu juga bakal memanfaatkan mahasiswa UMP untuk penempatan latihan industri dan peluang kerjaya.

"UMP mencapai kecemerlangan apabila meraih penarafan lima bintang dalam Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (Setara), Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMohes) dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara," katanya selepas majlis menandatangai MoA itu di Dewan Bankuet Canselori Tun Abdul Razak UMP Pekan.

Alliance Steel (M) Sdn Bhd (ASSB) diwakili Timbalan Projeknya, Hu Jiu Lin dan ATOZ Solution Sdn Bhd diwakili Pengurus Operasi, Mohamad Fauzi Mohd Jaya.